

**PENGAMBILKIRAAN FIQH REALITI (WAQI') DALAM
PENENTUAN HUKUM ISLAM KONTEMPORARI: ANALISIS
PENDEKATAN SHAYKH ABDULLAH BEN BAYYAH**

***THE ASSUMPTION OF FIQH REALITY (WAQI') IN THE
DETERMINATION OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW: AN
ANALYSIS OF SHAYKH ABDULLAH BEN BAYYAH'S APPROACH***

Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Mohd Anuar Ramli*

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

**Corresponding Author's Email: mohdanuar@um.edu.my*

Article History:

Received : 16 February 2024

Accepted : 3 April 2024

Published : 25 Jun 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Zulkarnain, S.I.N.M. & Ramli, M.A. (2024). Pengambilkiraan Fiqh Realiti (Waqi') Dalam Penentuan Hukum Islam Kontemporari: Analisis Pendekatan Shaykh Abdullah Ben Bayyah.. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 217-229.

ABSTRAK

Nass syarak dan keadaan manusia mempunyai hubungan yang sangat rapat. Ini kerana *nass syarak* merupakan teras agama yang menjadi panduan, sedangkan realiti manusia semasa merupakan medan bagi implementasi panduan tersebut. Pertembungan di antara golongan yang keras (*tashaddud*) yang terlalu berpegang dengan sumber *nass* tanpa meraikan realiti setempat dengan golongan yang bermudah-mudahan (*tasahul*) dalam meninggalkan sumber pegangan syariat telah mewujudkan konflik beragama dalam masyarakat. Justeru paduan antara tuntutan idealisme Syariat dan pengambilkiraan realiti semasa dan setempat mampu mensinergikan hukum Islam sebagai panduan kehidupan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memfokuskan terhadap analisis pendekatan fiqh al-waqi' yang dikupas oleh Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah melalui karyanya *Tanbih al-Maraji' 'Ala Ta'sil Fiqh al-Waqi'*. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif ini mengaplikasikan pendekatan kepustakaan sepenuhnya dengan menganalisis kandungan karya tersebut. Hasil kajian mendapati Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah merupakan seorang sarjana Islam yang ulung dalam bidang usul al-fiqh dan fiqh.

Gagasan Fiqh al-Waqi' yang diwarwarkan bukanlah seruan untuk meninggalkan nas syarak atau tunduk kepada tekanan realiti, bahkan beliau menekankan bahawa penilaian sesuatu realiti setempat perlulah melalui metodologi hukum yang digariskan. Misalnya dalam menangani polemik pelaksanaan hukum hudud di negara-negara Islam, Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah membahagikan terlebih dahulu kedudukan hukum hudud di dalam Islam, iaitu dari aspek pengiktirafan kewajibannya sebagai urusan keimanan, manakala dari sudut pelaksanaannya merupakan soal ibadah. Perbahasan yang digariskan tertumpu kepada konteks tempat semasa untuk melaksanakan hukuman hudud sama ada dalam bidang kuasa dan kemampuan untuk pelaksanaan ataupun tidak yang mendorong kepada penangguhan hukum hudud tersebut.

Kata kunci: isu sensitif, realiti setempat, pelaksanaan hudud

ABSTRACT

Nass syara' and the human condition have a very close relationship. This is because nass syara' is the core of religion that is the guide, while the current human reality is the field for the implementation of the guide. The clash between the hardline (tashaddud) who are too attached to the source of the text without celebrating the local reality and the group who take it easy (tasahul) who leave the source of sharia holding has created religious conflict in society. Thus, the combination between the demands of Shariah idealism and the current and local reality taking into account is able to synergize Islamic law as a guide for life. Accordingly, this study will focus on the analysis of the approach of fiqh al-waqi 'which was parsed by Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah through his work Tanbih al-Maraji 'Ala Ta'sil Fiqh al-Waqi'. To achieve these objectives, this qualitative study applies the library approach fully by analyzing the content of the work. The results of the study found that Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah was a leading Islamic scholar in the field of usul al-fiqh and fiqh. The idea of Fiqh al-Waqi 'that is preached is not a call to abandon the Islamic text or to submit to the pressures of reality, in fact he stressed that the assessment of a local reality must be through the legal methodology outlined. For example, in dealing with the polemic of the implementation of hudud law in Islamic countries, Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah first divides the position of hudud law in religion, which is from the aspect of recognition of his duty as a matter of faith, while in terms of its implementation is a matter of worship. The debate outlined focuses on the context of the current place to implement hudud punishment whether within the jurisdiction and ability to implement or not which leads to the postponement of the hudud law.

Keywords: sensitive issues, local realities, hudud implementation

1.0 PENDAHULUAN

Pada masa kini, dinamika syariat Islam di tanah air adalah semakin berkembang dan meluas dengan baik, kesannya masyarakat sudah mula dan meminati perbahasan

agama dengan lebih mendalam. Agama Islam sudah mendapat tempat yang baik di sisi masyarakat sehinggakan muncul penjenamaan agama di setiap bidang dalam kehidupan. Selain penggunaan di bidang kesihatan, keselamatan, dan makanan, penggunaan terma agama tidak lupa juga digunakan dalam bidang politik yang lebih meluas. Pembawaan ini mungkin membawa kepada dua sudut bertentangan sama ada positif atau negatif. Kesemuanya bergantung kepada cara dan metode yang dibawa oleh pihak-pihak berkenaan⁶. Oleh yang sedemikian pendedahan disiplin ilmu Islam yang serius kepada masyarakat adalah sangat diperlukan agar syariat Islam dapat dilihat secara unggul serta mereka mampu melihat ilmu fiqh adalah sentiasa dinamik dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan kehidupan.

Rentetan daripada itu, timbul slogan-slogan Islamis yang dibawa oleh NGO-NGO dengan seruan pembelaan hak individu dan sosial yang bebas untuk melakukan apa sahaja selagi tidak melanggar hak orang lain tanpa diikat dengan syariat Islam⁷. Ia telah mencetuskan isu sensitif dalam masyarakat Islam di Malaysia.⁸ Seruan yang dibawa adalah berbentuk rasional dan mengajak masyarakat berfikir seiring dengan perkembangan zaman. Yang lebih menghairankan bahawa mereka menggunakan terma agama "Islam Liberal" dengan berhujahkan pandangan Najm al-Din al-Tufi yang mengharuskan *taqdim masalahah 'ala al-nas* untuk membenarkan slogan yang dibawa bahawa Islam menegakkan nilai-nilai umum tanpa menghiraukan hukum-hukum *juz' i* yang termaktub di dalam syariat⁹.

Situasi yang sama juga timbul bagi yang terlalu keras dalam memahami agama. Mereka adalah golongan yang memahami secara zahir ayat dan beramal sebahagian daripada nas syarak dan mengabaikan sebahagian yang lain serta tidak mengambil kira metode yang dibawa oleh para ulama di dalam menetapkan sesuatu hukum. Golongan ini lebih keras dengan fahaman yang dipegangnya dan mudah mengkafirkan orang yang tidak sehaluan seperti orang yang tidak beramal mengikut cara agama yang difahami oleh mereka adalah dianggap sebagai orang musyrik¹⁰. Fahaman ini adalah fahaman ekstrim seumpama pandangan *Khawarij* yang mengkafirkan pelaku dosa besar¹¹.

Daripada perkara yang dinyatakan tersebut, penulis ingin mengeluarkan inti perbincangan terhadap dua permasalahan ini iaitu berkenaan pemahaman teks nas dan konteksnya. Agama tidak boleh dipisahkan dengan nas yang merupakan sumber wahyu daripada Allah dan rasul kepada manusia, namun ia juga mengambil kira kepada realiti keadaan semasa. Hal ini kerana realiti setempat menjadi sebahagian daripada perbincangan ilmu *usul al-fiqh* yang dikenali sebagai *fiqh al-waqi'* dan menjadi kewajipan bagi pendakwah Islam untuk memahaminya dengan baik.

⁶ Mohd Hapiz Mahaiyadin, *Memahami Proses Istihsan Hukum Syarak* (Bukit Mertajam: Excelligent Resources, 2018), 9.

⁷ Mohd Aizam Mas'od, *Diskusi Isu Aqidah Dan Pemikiran Semasa Di Malaysia* (Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015) 194.

⁸ Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan & Syamsul Azizul Marinsah, (2018), *Isu-Isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan*, dalam Mohd Roslan Mohd Noor et al. (eds.), *Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM, 1-12.

⁹ Ibid.

¹⁰ Muhammad Abu Zuhrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah Wa al-'Aqa'id Wa Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*, (Kaherah: Multazam al-Tab' Wa al-Nashr Dar al-Fikr al-'Arabi, t.t), 199.

¹¹ Ibid.

Sehubungan itu, penulis akan menyetengahkan pendekatan yang dibawa oleh Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah mengenai konsep *fiqh al-waqi'* di dalam kajian ini. Pemilihan beliau di dalam penyelidikan ini adalah kerana pola pemikirannya yang mempunyai nilai intelektual yang tinggi di mana beliau menguasai pelbagai cabang ilmu serta mempunyai pengalaman yang luas dalam urusan kenegaraan. Di samping kemampuan yang dimiliki ini, beliau kini aktif memperjuangkan seruan keamanan secara global yang perlu difahami oleh masyarakat secara umumnya pendekatan dan manhaj yang di bawa olehnya. Beliau juga merupakan tokoh yang mempunyai kepakaran mendalam mengenai disiplin keilmuan Islam pada masa yang sama sangat meraikan kemampuan akal dalam penafsiran nas-nas syarak. Hal ini selaras dengan ucapan beliau :-

“Wahyu itu adalah suruhan daripada Allah (al-Amr), manakala akal pula merupakan ciptaan Allah (al-Khalq). Sesungguhnya tidak akan ada pertembungan di antara suruhan Allah dan apa yang dicipta oleh-Nya.¹²”

Kemudian beliau memetik firman Allah SWT:

أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

Terjemahan: *Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam. (Surah al-A'raf: 54)*

Ungkapan beliau ini merupakan teras bahawa betapa pentingnya keseimbangan di antara sumber wahyu dan kemampuan akal agar seseorang sarjana itu tidak begitu longgar (*tasahul*) dan juga tidak terlalu rigid (*tashaddud*) ketika proses interpretasi teks hukum Islam ke atas realiti semasa yang menjadi tapak kepada sesuatu hukum.

Manakala sumber rujukan primer pula, penulis memilih kitab *Tanbih al-Maraji' 'Ala Ta'sil Fiqh al-Waqi'* sebagai bahan kajian kerana kitab ini membicarakan secara khusus berkenaan konsep *fiqh al-waqi'*, kepentingan serta metodologinya di dalam penentuan sesuatu hukum daripada nas. Ia juga merupakan antara penulisan terbaru Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah selepas penulisannya yang terkenal iaitu karya *Sina'ah al-Fatwa Wa Fiqh al-Aqalliyat*. Penulisan beliau secara khusus mengenai *fiqh al-waqi'* ini juga merupakan antara penggerak di zaman kini yang memperkenalkan konsep ini secara teliti dan ilmiah. Justeru itu, kajian ini diharap dapat mengeluarkan mutiara yang dibawa oleh tokoh Islam yang agung ini sebagai salah satu garis panduan di dalam memahami realiti sebagai asas dan tapak kepada perletakan sesuatu hukum.

¹² 'Abdullah Bin Bayyah, “Abd Allah bin Bayyah”, laman sesawang *Twitter*, dicapai 25 Januari 2023, https://twitter.com/Bin_Bayyah/status/998284488881909760.

2.0 LATAR BELAKANG SHAYKH BEN BAYYAH

Nama penuh beliau ialah Shaykh al-'Allamah 'Abdullah bin Shaykh al-Mahfuz bin Bayyah atau dikenali dengan nama Shaykh 'Abdullah bin Bayyah yang lahir pada tahun 1935 di Mauritania ini merupakan seorang tokoh Islam yang sangat terkenal dalam dunia Islam pada hari ini.¹³ Beliau dikenali juga sebagai tokoh beraliran Sunni-tradisional.¹⁴ Selain dikenali dengan kepakaran beliau di dalam sumber keilmuan Islam yang mendalam, beliau merupakan tokoh Islam semasa yang banyak memberi sumbangan dalam pembangunan Islam dalam kalangan masyarakat Muslim pada masa kini terutamanya aktif dalam perbincangan isu-isu yang berkaitan dengan fiqh minoriti dan aplikasi maqasid syariah. Tema perjuangan beliau berkenaan keamanan juga diterima di peringkat antarabangsa sama ada muslim atau bukan muslim dan beliau diiktiraf sebagai tokoh muslim yang paling berpengaruh di dunia Islam dari tahun 2009 sehingga kini dalam senarai 30 tokoh Islam yang teratas daripada 500 orang. Pada tahun 2016 beliau menduduki tangga ke 23 dan menaiki kedudukan di tempat ke 9 pada tahun 2018¹⁵.

Shaykh 'Abdullah bin Bayyah dibesarkan di dalam suasana pendidikan yang baik. Ini dibuktikan bahawa ayahnya, Shaykh al-Mahfuz bin Bayyah yang merupakan seorang 'ulama terkemuka yang *Faqih* dan memegang jawatan sebagai Ketua Persidangan Ulama Mauritania yang pertama merupakan guru pertama beliau khusus di dalam keilmuan Islam¹⁶. Ketika usia Shaykh 'Abdullah bin Bayyah berusia 20-an, beliau terpilih sebagai salah seorang pelajar daripada kumpulan yang menerima tajaan untuk belajar di bidang undang-undang di salah sebuah universiti di Tunisia. Kumpulan tersebut merupakan pelapis yang akan pulang mentadbir dan mengimplimentasikan di negara Mauritania¹⁷. Setelah selesai pembelajaran di Tunisia, Shaykh 'Abdullah bin Bayyah pulang ke tanah air dan beliau dilantik memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Syar'i di Kementerian Kehakiman. Kemudian beliau menjawat jawatan sebagai Naib Presiden Mahkamah Rayuan, setelah itu menjadi Naib Presiden Mahkamah Agung dan kemudian menjadi Ketua Jabatan Perundangan Islam¹⁸.

Kini, Shaykh merupakan Presiden *Muntada Ta'ziz al-Silmi Fi al-Mujtama'at al-Muslimati* atau *Forum Promoting Peace in Muslim Societies* dan bergiat aktif mempromosikan tema keamanan ke seluruh pelosok dunia sama ada di negara Muslim atau sebaliknya.

¹³ "Tarjamah al-'Allamah 'Abdullah Bin Bayyah", al-Mauqi' al-Rasmi li al-'Allamah al-Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah, diakses pada 25 Januari 2023, <http://binbayyah.net/arabic/archives/1417>; Farah Khaledah Adam, Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain, & Mohd Anuar Ramli. "Pandangan Shaykh Abdullah Bin Bayyah Tentang Konsep Keamanan: Kajian Terhadap Buku Khitab Al-Amni Fi Al-Islam." *Jurnal Peradaban*, 11 (2018): 86-114.

¹⁴ Salim Farrar. "Shariah-Based Sufism In The Modern Era: A Look At The Work Of Shaykh Abdullah Bin Bayyah". *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 2022. 10 (2):49 - 60. <https://doi.org/10.33102/mjSl.vol10no2.404>.

¹⁵ Lamnya Al-Khraisha et al., *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims 2018* (Amman, Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Centre, 2017, 42-43.

¹⁶ "Abdullah bin Bayah, Suara Moderat Islam dari Afrika", Islami.co, diakses pada 25 Januari 2023. <https://Islami.co/abdullah-bin-bayah-suara-moderat-Islam-dari-afrika/>

¹⁷ Souheila Al-Jadda dan Amina Chaudary, "Why America Needs To Know This Man: Abdallah bin Bayyah, Sectarianism and Global Muslim Respect", *The Islamic Monthly*, diakses pada 25 Januari 2023, <http://www.theIslamicmonthly.com/why-america-needs-to-know-this-man/>

¹⁸ Ahmad Naquuddin. *Gagasan Pemikiran Syekh Abdullah Bin Bayyah: Terjemahan Artikel Pilihan* (Selangor: Nur Fattah Publication, 2016), 7.

2.1 Pengertian Fiqh Al-Waqi'

Perbincangan *fiqh al-waqi'* adalah luas serta merangkumi kefahaman terhadap konteks nas (*Fiqh Waqi' al-Nas*) dan kefahaman untuk mengaplikasi nas terhadap konteks semasa (*Fiqh Waqi' Tatbiq al-Nas*). *Fiqh Waqi' al-Nas* membicarakan soal konteks sesuatu hukum itu dilakukan atau tidak atau dikenali sebagai *Tanqih al-Manat*. Manakala *Fiqh Waqi' Tatbiq al-Nas* merangkumi perbincangan realiti keadaan yang berlaku yang mana seorang *Faqih* akan mengerluarkan elemen-elemen yang berkait dengan hukum tersebut dan ia berkait dengan proses *Tahqiq al-Manath al-Khas*.¹⁹ Kata majmuk *Fiqh al-Waqi'* ialah mengetahui elemen-elemen yang menjadi sandaran sesuatu hukum serta keadaan kehidupan manusia semasa ketika proses mengaplikasikan sesuatu hukum syara'.²⁰

2.2 Asas Pengambiliraan Fiqh Al-Waqi'

Pengiktibaran *fiqh al-waqi'* ini mempunyai asasnya di dalam nas syarak *al-Quran* dan *al-Sunnah*. Ia dikuatkan lagi dengan amalan yang dilakukan oleh para sahabat RA di zaman mereka. Justeru, meraikan *al-waqi'* adalah merupakan amalan yang disuruh oleh *al-Nusus al-Shar'iyah*.

Terdapat banyak ayat di dalam *al-Quran* yang menunjukkan kepada pengiktibaran *fiqh al-waqi'*. Contoh yang boleh dilihat bahawa nas *al-Quran* meraikan *al-waqi'* adalah jelas pada ayat larangan mencela sembah orang musyrikin seperti dalam firman-Nya:-

﴿ وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ ﴾

Terjemahan: “Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan”
(Surah al-An'am 6:108)

Pada ayat tersebut, kita boleh dapati bahawa syarak meraikan unsur keadaan setempat, penilaian uruf manusia dan implikasi terhadap sesuatu perkara di mana komponen-komponen ini merupakan sebahagian daripada penentuan sesuatu *al-waqi'*. Selain itu, terdapat juga dalil-dalil yang boleh didapati seperti pengharusan untuk berperang pada bulan-bulan haram kepada muslimin berdasarkan realiti semasa yang berlaku walaupun berbeza dengan hukum asalnya, meraikan kondisi keadaan mukallaf dan sebagainya.

Manakala pengiktibaran *fiqh al-waqi'*, berdasarkan *al-Sunnah* boleh dilihat bahawa Nabi SAW membatalkan niat untuk membina semula Kaabah mengikut tapak binaan asal kerana meraikan tabiat dan keadaan kaum baginda SAW ketika itu. Hal ini merujuk kepada ucapan baginda SAW kepada Saidatina 'Aishah RA:-

¹⁹ Ibid., 19.

²⁰ Ibid.

يَا عَائِشَةُ، لَوْلَا أَنَّ قَوْمَكَ حَدِيثُوا عَهْدِ بِشْرِكَ، لَهَكَمْتُ الْكَعْبَةَ، فَأَلَزَقْتُهَا
بِالْأَرْضِ، وَجَعَلْتُ لَهَا بَابَيْنِ: بَابًا شَرْقِيًّا، وَبَابًا غَرْبِيًّا، وَزِدْتُ فِيهَا سِتَّةَ أَدْمُجٍ مِّنَ
الْحِجْرِ، فَإِنَّ قُرَيْشًا افْتَصَرَتْهَا حَيْثُ بَنَتِ الْكَعْبَةَ

Terjemahan: *Wahai 'Aishah, Kalaulah bukan kerana kaummu baru sahaja keluar dari kesyirikan, akan aku bina semula Kaabah kembali. Aku akan buat dua buah pintunya, satu menghadap ke timur dan satu lagi ke barat. Kemudian akan aku tambah lebarnya enam hasta dari hijir. Sesungguhnya orang-orang Quraisy telah memperkecilnya ketika dahulu mereka membinanya.*²¹

Daripada hadith tersebut jelas bahawa hasrat baginda tidak dilaksanakan kerana faktor meraikan kondisi yang tidak sesuai ketika itu. Hal ini juga dapat dilihat melalui hadith-hadith yang lain seperti jawapan nabi yang pelbagai kepada persoalan sama yang diajukan, melarang agar membunuh orang *munafiqin* atas faktor mengelakkan daripada fitnah besar dan lain-lain. Begitu juga *al-Sunnah* meraikan *al-waqi'* dengan meraikan kemampuan mukallaf dan kekuatan mereka sepertimana hadith berkenaan kafarah bagi mereka yang melakukan persetubuhan secara sengaja di siang hari bulan Ramadan.

Terdapat juga di dalam *al-Sunnah* bahawa nabi SAW meraikan *al-waqi'* semasa, dan melarang untuk merobohkan kaabah dan membina mengikut tapak binaan asal jua adalah faktor meraikan *al-waqi'*. Maka meraikan *al-waqi'* ini kita katakan bahawa ia adalah merupakan amalan yang disuruh oleh *al-Nusus al-Shar'iyah*.

Tidak ketinggalan juga bahawa fatwa-fatwa daripada sahabat RA terdahulu ada mempunyai penilaian *al-waqi'* di dalamnya. Fatwa-fatwa yang disebutkan seperti ijthad Saidina Abu Bakar RA yang membenarkan pembunuhan ke atas orang yang tidak membayar zakat ketika zaman pemerintahan beliau, begitu juga ijthad Saidina 'Umar yang meningkatkan kadar sebatan hukuman had bagi orang yang meminum arak, adapula ketika zaman pemerintahan Saidina Uthman RA beliau telah berijtihad bahawa tiada solat qasar bagi orang yang mengerjakan haji kerana khawatir akan orang-orang yang baru masuk Islam menyangka bahawa solat hanya dua rakaat, dan yang terakhir pada zaman Saidina 'Ali RA ketika mana selepas kewafatan khalifah yang ketiga beliau berijtihad bahawa tidak akan dihukum bunuh balas ke atas pembunuh sehinggakan umat muslimin melantik imam pemimpin yang baharu. Kesemua fatwa yang disebutkan di zaman *Khulafa' al-Rashidin* ini mempunyai sandaran yang tersendiri terhadap *al-waqi'* yang berlaku ketika zaman mereka²².

²¹ Muslim Bin Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim*, Bab Naqd al-Ka'bah wa Bina'uha, no. hadith 1333. (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2010).

²² 'Abdullah Bin Bayyah, *Tanbih al-Maraji' 'Ala Ta'sil Fiqh al-Waqi'*, cet. ke-2, (Abu Dhabi: al-Muwatta' li al-Nashr, 2016), 79-85.

3.0 PENGAMBILKIRAAN FIQH REALITI DALAM ISU PERLAKSANAAN HUDUD DI NEGARA ISLAM

Isu yang dibawa oleh Shaykh ini merupakan isu yang paling kontroversi pada zaman ini terutama kepada parti-parti politik Islam semasa yang memperjuangkan agenda untuk melaksanakan hudud. Menurut penelitian Shaykh, beliau berpandangan bahawa penerapan hudud perlu ditangguhkan pada zaman ini. Kenyataan ini pastinya menjadi sebuah dilema kepada semua kaum muslimin untuk melaksanakan kewajipan perintah Allah SWT selaras dengan firman-Nya:-

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيحَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahan: *Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah Syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).* (Surah al-Jathiah 45:18)

Sebelum dihuraikan dengan lebih mendalam, persoalan yang tercetus adalah apakah hukum bagi negara-negara Islam yang tidak mendirikan hukuman hudud walaupun mereka memiliki kemampuan untuk mendirikannya? Dan bagaimana pula bagi negara-negara Islam yang tidak mempunyai kemampuan untuk mendirikannya?. Isu polemik yang berlaku ini diterangkan terlebih dahulu oleh Shaykh bahawa kedudukan hudud di dalam syariat Islam. Persoalan berkenaan bagi penerapan hukuman hudud di negara Islam dijelaskan adalah termasuk dalam *fiqh 'amalayah* yang mesti dilihat pada kerangka *khitab al-wad'i* bagi perlaksanaannya. Ia tidak akan mengeluarkan seseorang dari agama selagi mana tidak wujud keingkaran terhadap syariat suruhan yang termaktub²³.

Perbincangan hudud yang dihuraikan di dalam kitab ini adalah berdasarkan *fiqh al-waqi'* yang berasaskan kepada *tahqiq al-manat*. *Tahqiq al-manat* yang dimaksudkan adalah seperti yang dijelaskan pada dasar *ijtihad fiqh al-waqi'* di dalam metode hukum Shaykh. Ia adalah sebuah terma yang penting di dalam bab qiyas dan merupakan tingkatan ketiga setelah proses *takhrij al-manat* dan *tanqih al-manat* iaitu:-

هو النظر في معرفة وجود العلة في آحاد الصور الفرعية التي يراد قياسها على

سواء أكانت علة الأصل منصوطة أم مستنبطة أصل

“Suatu penelitian untuk mengetahui kewujudan ‘illah pada sesuatu perkara *furu'* yang diingini daripada ‘illah tersebut untuk diqiyaskan kepada sesuatu asal sama ada ‘illah pada asal itu diambil daripada nas atau melalui proses *istinbat*.”²⁴

²³ Ibid., 139.

²⁴ Wahbah al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islamiy*, cet. ke-20, (Dimashq: Dar al-Fikr, 2013), 659.

Shaykh juga memberikan jawapan kepada dilema yang disebut oleh penulis iaitu bagaimana proses *tahqiq al-manat* ini berlaku di dalam isu hudud ini dalam pada waktu yang sama, kita ingin menghindari daripada terjerumus ke lembah kekafiran atau dosa. Jawapan yang diberikan oleh beliau adalah dengan menyatakan jawapan daripada sarjana Islam yang selayaknya untuk membincangkan bab ini iaitu Ibn al-Qayyim, di dalam karya *I'lam al-Muwaqqi'in* di bawah topik "*ikhtilaf al-fatwa bi ikhtilaf al-makan wa al-zaman*" bahawa dalam konteks tempat, ia diumpamakan sebagai bumi musuh yang menjadi *al-manat* kepada hudud ini, yang membolehkan untuk berlaku penangguhan hukum tersebut.

Pendalilan kepada hujah ini adalah berdasarkan kepada sunnah Rasulullah SAW iaitu terdapat hadith daripada Busri bin Abi Artah RA yang mana menyebut bahawa nabi SAW larang memotong tangan (hukuman hudud bagi mencuri) ketika di dalam peperangan, beliau berkata:-

سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَا تُقَطَّعُ الْأَيْدِي فِي الْعَزْوِ

Terjemahan: "*Aku mendengar Nabi SAW bersabda: "Tidak ada potong tangan dalam peperangan."*²⁵

Berdasarkan hadith ini, Ibn al-Qayyim menyatakan bahawa larangan mendirikan hukuman hudud tersebut ketika waktu perang adalah dikhuatiri akan berlaku perkara yang akan menyebabkan Allah marah, seperti orang yang terkena hukuman tersebut menjadi musyrik atau kufur untuk mencari perlindungan daripada terkena hukuman tersebut atau disebabkan marah selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Abu al-Qasim al-Kharqi di dalam penulisannya bahawa:-

لا يقام الحد على المسلم في أرض العدو

"*Tidak dilaksanakan hukuman hudud kepada orang Muslim di bumi musuh.*"²⁶

Sehubungan dengan itu, Shaykh memberi kesimpulan bahawa penentuan *manat* tersebut adalah bergantung kepada seorang pemimpin sama ada untuk menanggukkan hudud sekiranya dikhuatiri berlaku kesan buruk yang lebih besar. Ia dilihat menjadi suatu tujuan yang paling utama di dalam memelihara tujuan syarak iaitu *hifz al-din*. Hujah tersebut dikuatkan lagi dengan sandaran amalan sahabat ketika zaman pemerintahan Khalifah 'Umar RA yang telah menggugurkan hudud

²⁵ Al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Bab Ma Ja'a An La Tuqta'u al-Aydi fi al-Ghawz, no.hadith 1450. (Mesir: Shirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi) j. 4, 53. Beliau berkata: Hadits ini gharib, ada selain Ibnu Lahi'ah yang meriwayatkan dengan sanad ini seperti hadits ini. Ia dipanggil juga dengan Busri bin Abu Artah. Hadits ini menjadi pedoman amal menurut sebagian ulama di antaranya Al-Auza'i, mereka tidak membolehkan menegakkan hukuman dalam peperangan ketika musuh datang, khawatir orang yang sedang dihukum bergabung dengan musuh. Maka jika imam telah keluar dari bumi peperangan dan kembali ke negara Islam, maka ia harus menegakkan hukuman kepada orang yang salah, demikian yang dikatakan oleh Al-Auza'i.

²⁶ Muhammad bin Abi Bakr, Ibn al-Qayyim, *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1991), 3:13.

pada tahun kemarau di zaman beliau. Ini menunjukkan bahawa penetapan *al-manat* ini menjadi suatu tanggungjawab kepada pemerintah yang telah dilantik dengan sah. Penilaian ini adalah berdasarkan kemampuan mereka menilai kemaslahatan berdasarkan tempat dan waktu semasa selari seperti dalil yang telah disebutkan.

Daripada hujah yang dikemukakan ini, maka terdapat dua persoalan yang menjadi kesamaran bahawa pertama, apakah illah bagi penangguhan hukum hudud di bumi musuh?. Kedua, bagaimanakah seorang pemimpin itu boleh menentukan illah hudud tersebut?. Soalan yang diajukan ini berkaitan dengan persoalan penting yang berkait dengan illah. Soalan pertama adalah secara umum mempersoalkan proses *takhrij al-manat* yang dilakukan, manakala soalan yang kedua adalah persoalan berkaitan kredibiliti seorang pemimpin sebagai penentu kepada *tahqiq al-manat*.

Bagi menjawab persoalan pertama, Shaykh memberikan penerangan bahawa masalah yang disebutkan adalah masalah Islam itu sendiri. 'Illah yang disebutkan merupakan 'illah yang menyerupai hikmah yang bersifat lebih umum daripada 'illah yang dikhususkan. Selain itu, terdapat illah yang lain iaitu ketakutan bagi orang yang terkena hudud tadi akan menjadi kafir. Maka hudud ditinggalkan bagi menjaga pelaku jenayah tersebut dan menjaga agamanya selaras dengan kedudukan *hifz al-din* yang tertinggi di dalam *Maqasid al-Shari'ah*²⁷.

Adapun soalan kedua, ia adalah soalan yang rumit yang sukar untuk dijawab kerana ia adalah suatu perkara subjektif yang terkait dengan soal realiti negara-negara Islam yang berbeza. Persoalan ini akan menimbulkan banyak pertanyaan yang akan dipersoalkan seperti bagaimanakah ukuran 'illah ketakutan yang dinyatakan bagi pelaku hudud di negara Islam?, apakah kayu ukur untuk mengatakan bahawa pelaku hudud tadi akan menerima hukuman tersebut tanpa keluar Islam?, serta apakah jaminan bagi seorang pemimpin Islam itu akan menjunjung agama atau sebaliknya mungkin akan mengikuti corak pemerintahan orang bukan Islam?. Kesemua ini diberikan jawapan yang umum bahawa pengguguran hudud tersebut kerana wujudnya perkara-perkara syubhat²⁸. Syubhat yang disebut ini seperti yang disebut oleh baginda SAW bahawa:-

ادْرءُوا الْحُدُودَ عَنِ الْمُسْلِمِينَ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنْ كَانَ لَهُ مَخْرَجٌ فَخَلُّوا سَبِيلَهُ، فَإِنَّ
الْإِمَامَ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعَفْوِ خَيْرٌ مِنْ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعُقُوبَةِ

Terjemahan: "Hindarilah hukuman had dari kaum muslimin semampu kalian, jia ia mempunyai jalan keluar maka lepaskanlah ia. Kerana sesungguhnya seorang imam yang salah dalam memaafkan adalah lebih baik daripada salah dalam menjatuhi hukuman."²⁹

Begitu juga seperti mana yang disebut oleh 'Umar Abd al-'Aziz RA bahawa:-

²⁷ 'Abdullah Bin Bayyah, *Tanbih al-Maraji' 'Ala Ta'sil Fiqh al-Waqi'*, cet ke-2, (Abu Dhabi: al-Muwatta' li al-Nashr, 2016), 146.

²⁸ Ibid., 147.

²⁹ Al- Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Bab Ma Ja'a Fi Dar'i al-Hudud, no. hadith 1424. (Mesir: Shirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi) j. 4, 33.

“Tinggalkan hudud selagi kamu mampu dengan syubhat-syubhat. Sesungguhnya kesilapan kamu di dalam memberi keampunan kepada pesalah adalah lebih baik daripada kamu menjatuhkan hukuman kepada mereka”³⁰

Penutup bagi perbincangan isu ini adalah Shaykh menyimpulkan bahawa kewajipan mendirikan hudud ini tetap adalah wajib sama sekali dan ia tidak dapat dinafikan³¹. Pengiktirafan kewajipannya adalah termasuk di dalam perkara keimanan. Adapun bagi yang tidak mendirikannya dalam keadaan mereka mempunyai kemampuan terhadapnya tanpa menafikan kewajipan hudud adalah berdosa tidaklah menjadi kufur. Sekiranya pemerintahan tersebut tidak mendirikannya dengan wujud penghalang tertentu maka ia pada asalnya menjadi tidak wajib untuk mendirikan hudud tersebut bahkan ia menjadi haram jika perlaksananya diteruskan dan memberi kesan buruk yang besar seperti yang dijelaskan di dalam hujah Shaykh.

4.0 PENUTUP

Berdasarkan kepada pendekatan Shaykh ‘Abdullah bin Bayyah yang mempunyai metodologi hukum yang tersendiri untuk menentukan sesuatu hukum dan penilaian sesuatu *al-waqi*. Konsep *fiqh al-waqi* yang diutarakan oleh Shaykh ‘Abdullah Bin Bayyah adalah sangat praktikal dan boleh disesuaikan mengikut tempat yang pelbagai. Pendekatan ini dapat mengurangkan jurang konflik, sekaligus isu sensitif dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat di dalam isu hudud yang dibahasakan dalam karya beliau dibahasakan secara umum dan tidak terikat kepada sesebuah corak pentadbiran negara. Tambahan pula, penerangan Shaykh ‘Abdullah Bin Bayyah ketika penentuan hukum *‘illah* bagi menanggukkan pelaksanaan hudud adalah berdasarkan penelitian yang berbeza mengikut negara-negara. Perbincangan mengenai konsep *fiqh al-waqi* dibahasakan secara teliti dan mendalam menurut definisi serta kedudukannya di dalam syariat Islam. Adapun tumpuan utama bagi gagasan *fiqh al-waqi* yang dibawa ini adalah penilaian daripada perspektif *ijtihad tahqiq al-manat*. Jelasnya, penentuan realiti setempat itu merupakan langkah asas bagi penetapan sesuatu hukum Islam semasa.

Sumbangan penulis

Zulkarnain, S.I.N.M., Pendahuluan dan latar belakang Syeikh Ben Bayyah. Ramli, M.A., Isu fiqh, penutup dan suntingan akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

³⁰ ‘Abdullah Bin Bayyah, *Tanbih al-Maraji’ ‘Ala Ta’sil Fiqh al-Waqi*. cet ke-2, Abu Dhabi: al-Muwatta’ li al-Nashr, 2016), 148.

³¹ Ibid.

RUJUKAN

- 'Abdullah Bin Bayyah, "'Abd Allah bin Bayyah", laman sesawang *Twitter*, dicapai 25 Januari 2023, https://twitter.com/Bin_Bayyah/status/998284488881909760.
- 'Abdullah Bin Bayyah, *Tanbih al-Maraji' 'Ala Ta'sil Fiqh al-Waqi'*. cet ke-2, Abu Dhabi: al-Muwatta' li al-Nashr, 2016.
- "Abdullah bin Bayah, Suara Moderat Islam dari Afrika", *Islami.co*, diakses pada 25 Januari 2023. <https://Islami.co/abdullah-bin-bayah-suara-moderat-Islam-dari-afrika/>
- "Tarjamah al-'Allamah 'Abdullah Bin Bayyah", al-Mauqi' al-Rasmi li al-'Allamah al-Shaykh 'Abdullah Bin Bayyah, diakses pada 25 Januari 2023, <http://binbayyah.net/arabic/archives/1417>
- Ahmad Naqiuddin, *Gagasan Pemikiran Syeikh Abdullah Bin Bayyah: Terjemahan Artikel Pilihan*. Selangor: Nur Fattah Publication, 2016.
- Al- Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Mesir: Shirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Farah Khaledah Adam, Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain, & Mohd Anuar Ramli. " Pandangan Shaykh Abdullah Bin Bayyah Tentang Konsep Keamanan: Kajian Terhadap Buku Khitab Al-Amni Fi Al-Islam." *Jurnal Peradaban*, 11 (2018): 86-114.
- Lamnya Al-Khraisha et al., *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims 2018*. Amman, Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Centre, 2017.
- Mohd Aizam Mas'od, *Diskusi Isu Aqidah Dan Pemikiran Semasa Di Malaysia*. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan & Syamsul Azizul Marinsah, (2018), *Isu-Isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan*, dalam Mohd Roslan Mohd Noor et al. (eds.), *Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM, 1-12.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin, *Memahami Proses Istiabat Hukum Syarak*. Bukit Mertajam: Excelligent Resources, 2018.
- Muhammad Abu Zuhrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah Wa al-'Aqa'id Wa Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Multazam al-Tab' Wa al-Nashr Dar al-Fikr al-'Arabi, t.t.
- Muhammad bin Abi Bakr, Ibn al-Qayyim, *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 1991.
- Muslim Bin Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2010.
- Salim Farrar, "Shariah-Based Sufism In The Modern Era: A Look At The Work Of Shaykh Abdullah Bin Bayyah". *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 10 (2), (2022):49 - 60. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol10no2.404>.
- Souheila Al-Jadda dan Amina Chaudary, "Why America Needs To Know This Man: Abdallah bin Bayyah, Sectarianism and Global Muslim Respect", *The Islamic*

Monthly, diakses pada 25 Januari 2023,
<http://www.theIslamicmonthly.com/why-america-needs-to-know-this-man/>
Wahbah al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islamiy*, cet. ke-20, Dimashq: Dar al-Fikr, 2013.